

Rujukan : intellectMY/LTR/25502(1)
Tarikh : 14 Februari 2025

Puan Siti Suhana binti Wahab

Unit Perhubungan dan Latihan Industri

Politeknik Sultan Idris Shah

Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar

Selangor Darul Ehsan

Puan,

PENYEDIAAN TEMPAT LATIHAN INDUSTRI BAGI PELAJAR PSIS

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. IntellectMY adalah syarikat penyedia latihan yang berdaftar di bawah Kementerian Kewangan Malaysia dan Panel Perunding kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan juga Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).
3. IntellectMY mengendalikan pelbagai kursus dan perundingan seperti Standard Sistem Pengurusan ISO, program motivasi, kepimpinan, kursus keselamatan, kesihatan pekerjaan, persekitaran dan lain-lain termasuk latihan-latihan keusahawanan kepada para usahawan.
4. IntellectMY percaya bahawa syarikat ini mampu memberi pendedahan yang baik kepada para pelajar dalam menyediakan diri mereka ke alam pekerjaan sebenar. Kami membuka ruang dan peluang ini kepada para pelajar dari bidang Pengurusan Perniagaan, Pengurusan pejabat, Komunikasi dan Digital Media untuk menjalani latihan industri di IntellectMY. Melalui latihan ini, pelajar akan memperoleh kemahiran yang relevan dan dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam suasana kerja yang sebenar. Elaun bulanan turut diberikan kepada pelajar sebagai imbuhan.

5. Kami amat mengalu-alukan sebarang perbincangan lanjut berkenaan perkara ini. Sebarang urusan lanjut berkenaan perkara ini boleh hubungi Puan Muneerah di +60 13-360 2273 atau emel secretariat@intellectmy.com. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan amatlah kami hargai. Kami berharap dapat menjalinkan kerjasama yang baik dengan universiti dalam usaha membangunkan bakat pelajar ke arah kecemerlangan industri.

Sekian, terima kasih.

“Empowering Performance through Knowledge”



MOHD KAMAL FITRI MOHD GHAZALI

Pengarah Urusan